

TARIKH	RABU, 28 FEBRUARI 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	NEGARA SEDIA PERLUAS TEKNOLOGI NUKLEAR SECARA SELAMAT
M/S	4
BIDANG	NUCLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY

Negara sedia perluas teknologi nuklear secara selamat

JOHOR BAHRU – Malaysia bersedia untuk memperluas penggunaan teknologi nuklear dalam pelbagai sektor harian bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat termasuklah dalam sektor kesihatan dan pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, pihaknya telah menjalankan pelbagai penyelidikan berhubung penggunaan nuklear secara selamat bagi menjayakan hasrat itu.

Menurutnya, persepsi negatif segelintir masyarakat yang menganggap teknologi nuklear berbahaya perlu diubah, selari dengan pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 yang diperkenalkan September tahun lalu.

“Persepsi nuklear itu bahaya adalah tidak benar, ia bergantung kepada sektor dan penggunaan.

“Kita hendak maklumkan bahawa teknologi nuklear yang kita hasilkan untuk tujuan yang aman, sesuai untuk kegunaan seharian rakyat.

“Kita boleh aplikasikan peng-



AMINUDDIN (dua dari kiri) melihat bongkah cendawan yang menggunakan teknologi nuklear pada Program Promosi Bersasar di Johor Bahru semalam.

gunaan teknologi nuklear untuk menyelesaikan masalah. Sebagai contoh, penyelidik Mosti terlibat aktif dalam usaha menyelesaikan isu berkaitan keterjaminan makanan,” katanya selepas merasmikan Program Promosi Bersasar Mosti di Hotel Berjaya Waterfront, di sini semalam.

Tambahnya, Mosti mempun-

yai sebanyak 21 Pusat Khidmat yang menawarkan penyelesaian masalah melalui penggunaan teknologi nuklear selamat.

“Bagi mempromosikan perkhidmatan ini, kita menjalankan program outreach mengikut zon untuk berhubung dengan pengguna melalui ‘tagline’ NUR iaitu Nuklear Untuk Rakyat,” jelasnya.